

Ruj kami: KIGS/AF/104/2/2024 (1)

14 Ramadhan 1445H
25 Mac 2024M

Kepada: Semua Pelajar dan Ibu-bapa/Penjaga Pelajar Kolej IGS

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PER: PELAKSANAAN DASAR BARU DALAM PENGURUSAN OPERASI AKADEMIK DAN KEWANGAN KOLEJ IGS

1. Dengan penuh hormat dan takzim, terlebih dahulu Saya mewakili Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan warga Kolej IGS mengucapkan selamat menunaikan ibadah puasa dibulan Ramadhan yang penuh berkah ini kepada semua pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar. Semooga dibulan yang penuh berkah ini membawa kebahagian dan kedamaian dalam hidup kita.
2. Dalam masa Kolej IGS akan memasuki semester baharu untuk memulakan pengajian pelajar-pelajar baharu dan kesinambungan bagi pelajar-pelajar yang sedang aktif mengikuti pengajian mereka ke semester seterusnya bermula 01 April 2024, pihak pengurusan Kolej IGS secara rasmi telah memberi peringatan kepada semua pelajar tentang pentingnya bagi mereka menyelesaikan pembayaran yuran pengajian bagi memastikan peralihan ke semester yang seterusnya berjalan dengan lancar. Perkara ini amat penting untuk ditangani dengan segera oleh semua pelajar bagi memastikan pengajian mereka tidak terjejas atas sebab masih ada tunggakan yang perlu dijelaskan. Berpandukan kepada rekod pembayaran, didapati masih terdapat yuran pengajian yang tertunggak yang perlu dijelaskan kesemuanya sebelum semester April 2024 bermula dan perkara serupa ini perlu untuk diambil perhatian serta tindakan oleh pelajar-pelajar dan para ibu-bapa/penjaga pelajar bahawa pembayaran adalah merupakan satu kewajipan asas untuk mengekalkan perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh Kolej IGS.
3. Sebagaimana yang pelajar-pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar sedia maklum, pembayaran yuran pengajian yang tepat pada waktunya adalah penting untuk mengekalkan kualiti pendidikan dan penyediaan sumber dan perkhidmatan yang diperlukan untuk menyokong pelajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar dalam mentelah pengajian mereka. Yuran pengajian ini secara langsung menyumbang kepada keperluan untuk membayar gaji kakitangan, penyelenggaraan infrastruktur, sumber akademik dan aktiviti-aktiviti dokongan pelajar bagi tujuan memperkayakan pengalaman pelajaran dan pembelajaran para pelajar. Pihak pengurusan Kolej IGS memahami bahawa keperluan pengurusan kewangan kadangkala mempunyai cabaran, terutamanya untuk membiayai perbelanjaan keluarga. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan Kolej IGS menghargai komitmen para pelajar dan ibu bapa/penjaga pelajar terhadap kecemerlangan akademik dan ingin memastikan pelajar-pelajar semua dapat meneruskan pengajian mereka tanpa sebarang halangan.
4. Pada tahun 2018, Jabatan Kewangan dan Pengurusan Aset, Kolej IGS telah menangani salah satu tatacara penyelesaian untuk mengatasi masalah bayaran yang tertunggak ini dengan memohon kerjasama dari semua pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar menandatangani perjanjian pendaftaran kemasukan, namun begitu kesan penyelesaian hanya dapat menghasilkan productibiti yang terhad. Masih juga berbagai alasan dikemukakan sebagai justifikasi untuk tidak dapat melakukan pembayaran. Pada tahun 2024 ini, Kolej IGS melalui Jabatan yang sama telah mengambil inisiatif memulakan sistem aplikasi kewangan untuk pemberitahuan kepada semua pelajar tentang status akaun mereka pada setiap bulan secara automatik bagi mengatasi dan menangani isu kelambatan pembayaran.

5. Sehubungan dengan ini juga, pihak Pengurusan Kolej IGS ingin menarik perhatian semua pelajar dan ibu bapa/penjaga pelajar mengenai pengubalan dan perlaksanaan dasar baharu yang dihuraikan dibawah sebagai sebahagian daripada prosedur kewangan Kolej IGS untuk mengekalkan integriti sistem pendidikan bagi membantu mengatasi masalah tunggakan yang belum lagi selesai dijelaskan sepenuhnya oleh sebahagian daripada pelajar-pelajar yang menjadi permasalahan kepada Koleg IGS. Kolej IGS telah bertindak secara proaktif dan agresif mulai sekarang untuk mengutip bayaran yang belum dijelaskan oleh semua pelajar-pelajar samaada mereka yang masih meneruskan pengajian mereka atau pelajar-pelajar yang menamatkan pengajian atau pelajar-pelajar yang sudah menamatkan pengajian mereka.
 - 5.1. Jabatan Kewangan dan Pengurusan Aset telah memberi makluman secara terperinci kepada semua pelajar melalui memorandum rasmi untuk mengingatkan kepada semua pelajar agar dapat memastikan yuran pengajian program mereka dikemaskini dan semua tunggakan diselesaikan dengan segera sebelum permulaan semester April 2024. Mana-mana yuran pengajian yang belum dijelaskan, pelajar-pelajar yang terlibat tidak akan dibenarkan untuk meneruskan pengajian mereka ke semester berikutnya. Walaubagaimana pun mereka akan diterima kembali menghadiri pengajian mereka apabila tunggakan selesai dijelaskan pada semester yang akan datang asalkan 'candidature period' tidak mansuh laitu 5 tahun dari tarikh pengajian dimulakan.
 - 5.2. Manakala, bagi pelajar-pelajar yang akan bergraduat, mereka juga dikehendaki untuk menjelaskan baki yuran pengajian mereka yang masih tertunggak sebelum Majlis Konvokesyen dilangsungkan dengan mendapatkan borang pelepasan kewangan (docket) daripada Jabatan Kewangan dan Pengurusan Aset yang perlu ditunjukkan kepada Ketua Fakulti program masing-masing sebelum majlis konvokesyen yang mana tanpanya para pelajar tidak akan dibenarkan menyertai majlis berkenaan dan menerima sijil/transkrip asal mereka.
 - 5.3. Jabatan Kewangan dan Pengurusan Aset juga telah mewujudkan satu Klaus dalam perjanjian pendaftaran kemasukan pelajar yang mengetengahkan sekiranya sebarang tindakan undang-undang diambil oleh Kolej IGS ke arah mendapatkan semula jumlah bayaran yang tertunggak dari pelajar, dengan atau tanpa permulaan mana-mana perbicaraan mahkamah, pelajar atau penjamin dikehendaki menjelaskan bayaran semua kos Guaman dan pengeluaran yang ditanggung oleh Kolej IGS termasuk semua faedah yang terkumpul ke atas jumlah bayaran yang tertunggak sehingga pembayaran penuh diperolehi dari jumlah berkenaan.
6. Pihak Pengurusan Kolej IGS berharap kefahaman dari semua pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar bahawa keputusan dan tindakan ini diambil adalah semata-mata didorong oleh keadaan ekonomi Kolej IGS yang kurang mampan ketika ini yang mana kos perbelanjaan tidak seimbang dengan pendapatan yang diperolehi daripada kemasukan yuran pengajian. Oleh itu, adalah penting untuk semua pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar mengambil perhatian sewajarnya bahawa pembayaran adalah satu kewajipan asas yang mesti dijelaskan oleh pelajar untuk mengekalkan perkhidmatan pendidikan yang disediakan dan diberikan kepada mereka oleh Kolej IGS. Kerjasama yang padu daripada semua pelajar dan ibu bapa/penjaga pelajar adalah amat penting bukan sahaja untuk memastikan operasi Kolej IGS berjalan lancar dan kemajuan akademik semua pelajar dapat diungkayahkan secara berterusan bahkan untuk memastikan kelestarian keseluruhan Kolej IGS berjalan dengan lancar dan teratur.

7. Peramban/saya mewakili Ahli-Ahli Lembaga dan warga Kolej IGS merakamkan ucapan terima kasih diatas kefahaman semua pelajar dan ibu-bapa/penjaga pelajar dan komitmen yang abiskita semua berikan dalam menaruh kepercayaan sepenuhnya bagi pelajar-pelajar mengikuti pengajian di Kolej IGS termasuk kesejahteraan mereka.
8. Akhirnya, sama-sama kita berdoa semoga Allah SWT memberikan taufik dan inayah-Nya agar kita semua digolongkan dikalangan hamba-Nya yang bertaqwa.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan semua pelajar dan ibu-bapa pelajar.

Wassalam.

وَبِاللّٰهِ تُوفِيقٌ وَالْهُدَىٰ وَالسَّلَامُ عَلٰيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Dengan hormatnya,



[DR. HAJI AZAHARAINI BIN HAJI MOHD JAMIL]

Ketua Pegawai Eksekutif
Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (Kolej IGS)
Negara Brunei Darussalam

sk: Ahli-Ahli Lembaga Pengarah, Kolej IGS

Ketua-Ketua Jabatan/Fakulti/Unit

Papan penyata pelajar

Fail



Kolej International Graduate Studies, Blok Tengah, Kompleks Setia Kenangan, Lot 22083 Kiulap,
Mukim Gadong BE1518, Negara Brunei Darussalam.

Tel: +673-2238701 | Fax: +673-2238710 | Email: enquiries@igsbrunei.edu.bn | Website:
www.kolejigs.edu.bn